



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

www.ijepec.com



**KEBERKESANAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
PENDIDIKAN MORAL MELALUI APLIKASI WHATSAPP:
KAJIAN KES DI SMK RAJA MUDA MUSA**

*EFFECTIVENESS OF TEACHING AND LEARNING MORAL EDUCATION
THROUGH WHATSAPP APPLICATION: A CASE STUDY AT SMK RAJA MUDA
MUSA*

Nur Farah Hani Abd Rahim¹, Sakinah Salleh^{2*}

¹ Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
Email: farahhany96@gmail.com

² Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
Email: sakinah.salleh@fsk.upsi.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 15.06.2022

Revised date: 20.07.2022

Accepted date: 25.08.2022

Published date: 22.09.2022

To cite this document:

Rahim, N. F. H. A., & Salleh, S. (2022). Keberkesanan Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Moral Melalui Aplikasi Whatsapp: Kajian Kes Di SMK Raja Muda Musa. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7 (47), 539-551.

DOI: 10.35631/IJEPC.747043

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Kajian ini bertujuan mengenalpasti keberkesanan pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Pendidikan Moral melalui aplikasi Whatsapp sebagai satu pendekatan pembelajaran berasaskan teknologi pendidikan. Objektif utama kajian ini adalah mengenal pasti keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral melalui aplikasi Whatsapp sebagai pendekatan utama dalam penyampaian maklumat, mengenal pasti kesediaan guru melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dan menjelaskan faktor-faktor mempengaruhi guru memilih aplikasi Whatsapp dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral. Kajian secara kualitatif ini dijalankan di SMK Raja Muda Musa, Selangor melalui kaedah temubual secara atas talian bersama empat orang guru Pendidikan Moral. Tematik analisis digunakan bagi mendapatkan tema. Dapatan kajian ini mendapati bahawa penggunaan aplikasi Whatsapp dalam proses pengajaran dan pembelajaran guru Pendidikan Moral menunjukkan penggunaan aplikasi Whatsapp kurang membantu guru Pendidikan Moral mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran namun guru menunjukkan kesediaan menggunakan aplikasi Whatsapp dalam pengajaran secara atas talian. Faktor pemilihan aplikasi Whatsapp adalah bagi membantu masalah jaringan internet dan faktor sosio-ekonomi pelajar. Implikasi daripada kajian ini memberi pendedahan kepada para guru mengenai kemampuan teknologi pendidikan menerusi aplikasi Whatsapp sebagai alternatif penyampaian maklumat berkos rendah bagi menangani masalah capaian internet pelajar yang lemah dan hak pendidikan sama rata.

Kata Kunci:

Pedagogi Pengajaran Dan Pembelajaran, Pendidikan Moral, Aplikasi Whatsapp, Pembelajaran Dalam Talian, Impak Pandemik

Abstract:

This study aims to identify the effectiveness of teaching and learning for the subject of Moral Education through the Whatsapp application as a learning approach based on educational technology. The main objective of this study is to identify the effectiveness of teaching and learning Moral Education through the Whatsapp application as the main approach in delivering information, identify the willingness of teachers to implement teaching and learning and explain the factors that influence teachers to choose the Whatsapp application in teaching and learning Moral Education. This qualitative study was conducted at SMK Raja Muda Musa, Selangor through an online interview method with four Moral Education teachers. Thematic analysis is used to obtain themes. The findings of this study found that the use of Whatsapp applications in the teaching and learning process of Moral Education teachers shows that the use of Whatsapp applications does not help Moral Education teachers achieve the teaching and learning objectives, but teachers show a willingness to use Whatsapp applications in online teaching. The selection factor of Whatsapp application is to help with internet network problems and socio-economic factors of students. The implications of this study provide exposure to teachers about the capabilities of educational technology through the Whatsapp application as an alternative low-cost information delivery to address the problem of poor student internet access and equal education rights.

Keywords:

Teaching and Learning Pedagogy, Moral Education, Whatsapp Application, Online Learning, Impact of Pandemic Covid-19

Pengenalan

Dunia pendidikan di zaman pandemik Covid-19 yang melanda dunia kini, semakin kompleks dan mencabar daya tahan pendidik. Mereka perlu mempersiapkan diri mengadaptasi persekitaran norma baharu mengikut perubahan semasa. Menurut Tan Sri Dato' Muhyiddin Yassin (2020), di dalam Perutusan Khas YAB Perdana Menteri mengenai Covid-19 menyatakan bahawa penutupan hampir semua sektor termasuklah sektor pendidikan yang mengarahkan penutupan semua jenis sekolah kerajaan dan swasta (sekolah harian, berasrama penuh, antarabangsa, pusat tahfiz dan lain-lain) serta semua institusi pendidikan tinggi (IPT) awam dan swasta. Anjakan paradigma pendidikan negara sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang diisytiharkan pada 18 Mac 2020 telah mengubah cara pembelajaran secara bersemuka kepada pembelajaran dalam talian baik dalam negara mahupun luar negara (Razali et al., 2021). Malahan, di Malaysia sendiri anjakan dibuat bagi memastikan matlamat dan agenda utama pendidikan negara dapat digunapakai dan fleksibel dalam menghadapi sebarang perubahan. Pendidikan telah dijalankan secara atas talian bagi kebanyakan negara yang terkesan akibat Covid (Moawad et al., 2020).

Pernyataan Masalah

Pedagogi norma baharu sepanjang tempoh PKP berlangsung telah diperkenalkan melalui pendekatan pembelajaran dari rumah (*home based learning*), pembelajaran atas talian (*on line learning*) dan (*remote learning*) (Mohamad, 2021). Menurut Mukhtar et al., (2021), pelbagai

kaedah pembelajaran dalam talian digunakan secara persidangan video seperti Zoom, Meet dan Webex serta penggunaan aplikasi YouTube, Telegram, Google Classroom dan Whatsapp. Impak pandemik yang melanda, serba sedikit dunia pendidikan telah mengubah trend atau corak pengajaran dan pembelajaran daripada kaedah pembelajaran secara tradisional ke arah pembelajaran jarak jauh dalam talian atau Open and Distance Learning (ODL) (Wan Zainodin, 2020). Di zaman kepesatan teknologi jalur lebar tanpa batasan ini serba sedikit membawa pelajar merasai sepenuhnya pembelajaran abad ke-21. Pelbagai aplikasi mudah alih yang digunakan oleh guru sebagai tapak dalam menyampaikan ilmu, sebagai contoh aplikasi Whatsapp. Menurut Menteri Komunikasi dan Multimedia, Salleh Said Keruak (2017), menyatakan di dalam Laporan The Digital News mendapati penggunaan internet di Malaysia mencatat penggunaan aplikasi Whatsapp terbanyak di dunia iaitu 51 peratus bagi bagi mendapat maklumat dan berkongsi cerita. Oleh kerana Kementerian Pendidikan Malaysia telah memutuskan Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh atau Open and Distance Learning (ODL) atau lebih dikenali sebagai Pengajaran dan Pembelajaran dirumah (PdPR). Guru Pendidikan Moral dikenal pasti sukar mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran dalam proses penyampaian maklumat kepada pelajar secara atas talian. Berita Harian (April 16, 2020) melaporkan jurang agihan akses internet di antara bandar dan luar bandar masih besar kadar nisbah julat iaitu 70:30. Jurang yang besar ini menyebabkan pelajar di kawasan luar bandar atau pedalaman terpinggir daripada mendapat input pengajaran dan pembelajaran oleh guru di atas talian kerana keperluan capaian akademik tidak sama rata berlaku antara pelajar bandar dan luar bandar. Objektif pengajaran dan pembelajaran guru tidak tercapai dikenal pasti murid tidak mengambil bahagian dalam pembelajaran online di rumah. Kajian Goliong et al., (2020) mendapati 8.3 peratus pelajar tidak mengambil bahagian dalam proses pengajaran dan pembelajaran guru secara atas talian. Berdasarkan permasalahan ini, kajian keberkesanan pengajaran dan pembelajaran guru Pendidikan Moral melalui aplikasi seperti Whatsapp dapat membantu mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran guru telah dijalankan. Kepentingan guru Pendidikan Moral menggunakan pelbagai pendekatan dalam pengajarannya untuk memberi pengalaman kepada pelajar memahami sendiri persekitaran sosial dengan mengkaji isu-isu sosial yang berlaku. Aplikasi Whatsapp merupakan pilihan untuk menyelidik keberkesanan pengajaran dan pembelajaran guru Pendidikan Moral kerana aplikasi ini telah menjadi saluran utama rakyat Malaysia menyalurkan maklumat. Keberkesanan kualiti pengajaran dan pembelajaran dapat ditingkatkan melalui interaksi sosial yang dinamik antara guru. Kajian terhadap keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral melalui aplikasi Whatsapp adalah penting bagi mengenalpasti keberkesanan objektif pengajaran guru melalui aplikasi Whatsapp dan menghuraikan faktor-faktor yang mendorong pemilihan guru menggunakan aplikasi tersebut. Penggunaan aplikasi yang digunakan oleh guru sebagai medium pengajaran dan pembelajaran juga perlu diambil kira dari pelbagai aspek bagi memastikan tiada keciciran akademik dikalangan pelajar yang kurang berkemampuan. Maka kajian ini dilakukan bagi memperolehi gambaran sebenar dan membantu guru Pendidikan Moral merangka strategi yang lebih baik bersesuaian dengan trend pendidikan terkini.

Objektif Kajian

1. Menenalpasti keberkesanan pengajaran dan pembelajaran guru Pendidikan Moral melalui aplikasi Whatsapp sebagai pendekatan utama dalam penyampaian maklumat.
2. Menenalpasti kesediaan guru melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral melalui aplikasi Whatsapp.

3. Menjelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi guru memilih aplikasi Whatsapp sebagai pendekatan utama penyampaian maklumat dalam pengajaran Pendidikan Moral.

Sorotan Literatur

Kajian menunjukkan terdapat pelbagai faktor dalaman dan luaran yang menjadi cabaran kepada pembelajaran dalam talian yang memberi natijah terhadap tekanan akademik (Aziz et al., 2020). Antaranya capaian internet yang lemah dan rendah serta kekurangan sumber kewangan memberikan bebanan kepada pelajar apabila mereka terpaksa mengeluarkan duit untuk membeli data internet (Mukhtar et al., 2021). Selain itu, pembelajaran yang kondusif seperti ruang belajar di rumah yang tidak selesa menyebabkan pelajar sukar untuk memberi tumpuan ketika sesi e-pembelajaran dijalankan ibu bapa dan penjaga kurang memberikan sokongan serta kurang pengetahuan dan kemahiran guru untuk melaksanakan pembelajaran dalam talian, bahkan kesukaran mengikuti segala pembelajaran dalam talian bertambah apabila ada pelajar ketiadaan atau kerosakan peranti elektronik (Mukhtar et al., 2021; Bing & Jamaludin, 2021; Azizan & Nasri, 2020; Shahaimi & Khalid, 2015). Akibat daripada kurang kemahiran dan pengetahuan guru, maka proses pembelajaran pelajar akan terjejas dan guru sukar untuk mencapai objektif pengajaran dan pembelajarannya. Selain itu, pelajar luar bandar yang bermasalah dalam capaian internet dikenal pasti sukar mendapat isi penyampaian dan arahan guru semasa di proses pengajaran dan pembelajaran secara atas talian atau maya (Bing, & Jamaludin, 2021).

Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Moral

Menurut Balakrishnan (2002), menyatakan bahawa pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral melibatkan aspek intelek, afektif dan tingkah laku di dalam bilik darjah. Aspek ini penting untuk mencapai tahap kematangan moral individu dan membantu pelajar mengenali, memahami dan melakukan sesuatu tingkah laku yang bermoral. Kaedah pengajaran dan pembelajaran guru Pendidikan Moral dalam melestarikan teknologi maklumat dan komunikasi melalui aplikasi terkini perlu dipelbagaikan mengikut kesesuaian objektif pengajaran yang hendak dicapai (Stronge, 2010). Menurut Stronge, (2010), pengajaran dan pembelajaran yang mencapai keberkesanannya adalah bergantung kepada individu yang mengajar dan diajarnya. Justeru, guru Pendidikan Moral perlu meneliti kembali kualiti dan keberkesanan pengajaran dan pembelajarannya melalui penggunaan aplikasi yang dipilih. Pendekatan pengajaran yang unik dan penggunaan aplikasi bersesuaian dalam menyampaikan maklumat kepada pelajar mampu membantu mereka memahami isi kandungan pembelajaran (Jamian & Ismail, 2016). Oleh itu, platform pembelajaran yang digunakan perlu menyokong antara pelbagai pendekatan pembelajaran dan mengintegrasikan penggunaan media sosial dalam pengajaran dan pembelajaran bagi mewujudkan suasana yang menyeronokkan serta menarik perhatian pelajar (Munusamy & Nordin, 2021).

Aplikasi Whatsapp dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Pendidikan kini lebih mengutamakan penggunaan media teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) sebagai satu rangkaian elektronik untuk memperoleh, menyimpan, menganalisis, menyalur dan menyampaikan maklumat secara berkesan, pantas dan bersifat menyeluruh bagi memudahkan proses P&P antara guru dan pelajar (Azwan et al., 2005). Penggunaan media teknologi maklumat yang menggabungkan teknik suara, bunyi, gambar, video serta teks telah mewujudkan suasana P&P yang menyeronokkan dan kondusif (Wahab et al., 2020). Terdapat beberapa medium media teknologi kini sebagai alat perantaraan komunikasi berkesan bagi

membantu guru dan pelajar meningkatkan kualitas pengajaran dan pembelajaran. Antaranya yang sering digunakan oleh generasi alpha ialah terdiri daripada aplikasi Whatsapp, Instagram, Telegram, Facebook, Twitter, Youtube dan tiktok. Fokus kajian ini adalah penggunaan platform Whatsapp yang berasal dari daripada frasa “What’s Up” yang membawa maksud “apa khabar” di dalam bahasa Melayu. Aplikasi Whatsapp bermula daripada alternatif sistem pesanan ringkas atau SMS (short message service). Aplikasi ini adalah percuma bagi pengguna yang ingin memuatnaik diperanti masing-masing menawarkan khidmat pesanan dan panggilan ringkas, selamat, mempunyai ciri penyulitan hujung ke hujung dan boleh dipercayai oleh pengguna di seluruh dunia (Whatsapp, 2021). Kelebihan aplikasi WhatsApp boleh menghantar mesej dalam bentuk teks, imej, video, dan mesej audio serta boleh membentuk kumpulan tertentu melaluinya dan telah digunakan secara meluas sebagai medium komunikasi dalaman organisasi (Saleh et al., 2018)

Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran

Teori pembelajaran konstruktif ini diasaskan oleh Vygotsky yang membincangkan mengenai interaksi sosial antara pelajar dan guru dalam meningkatkan proses perkongsian maklumat dan secara tidak langsung membantu membangunkan prestasi pembelajaran pelajar (Razali et al., 2003). Pandangan Vygotsky menyatakan bahawa lingkungan sosial aktif seseorang ditentukan oleh tindakan individu itu sendiri (Bruner, 1985). Perkembangan kognitif melalui proses interaksi seseorang dapat dilihat daripada pengetahuan, sikap, pemikiran dan nilai individu tersebut (Azizan & Hussin, 2017). Perubahan interaksi sosial antara pelajar dan guru juga mempengaruhi strategi guru mengintegrasikan teknologi maklumat dan komunikasi dalam pendidikan. Sebagai contoh, guru Pendidikan Moral menggunakan aplikasi Whatsapp sebagai medium penyampaian maklumat kepada pelajar (Arifin & Setiawan, 2020). Kajian oleh Chear & Nor (2020) menunjukkan intervensi di saluran Whatsapp dan Telegram berjaya meningkatkan penyertaan pelajar dan variasi bahan pembelajaran berbentuk media digital di portal e-Pembelajaran. Tambahan lagi, menurut beliau pendekatan teori konstruktif melalui model Lima Fasa Needham telah memberi impak terhadap tahap perkembangan intelektual dan sahsiah pelajar di media sosial seperti Whatsapp dan Telegram. Selain itu, Kamlin & Keong, (2020) menyatakan masalah komunikasi yang terbatas antara pelajar dan guru di dalam kelas disebabkan oleh bilangan pelajar yang ramai dan batasan masa waktu pembelajaran. Oleh itu, sebagai alternatif, aplikasi Whatsapp boleh digunakan bagi mengatasi masalah yang timbul dengan menggunakan aplikasi tersebut untuk berhubung bersama guru atau rakan di luar waktu persekolahan. Ia boleh diselesaikan menerusi perbincangan, kolaborasi dan perkongsian maklumat antara guru dan pelajar atau bersama rakan yang lain. Perkongsian maklumat dan bahan penting dalam membantu pelajar yang menghadapi permasalahan memahami pembelajaran di samping dapat mengembangkan pengetahuan sedia ada mereka (Razak, 2017). Namun begitu, pemilihan aplikasi dalam pengajaran perlu menitikberatkan beberapa aspek agar semua pelajar merasai hak pendidikan sama rata tanpa pengecualian. Konsep pembelajaran sendiri membenarkan pelajar menentukan strategi pembelajaran sendiri mengikut kemampuan, mampu mengakses bahan pembelajaran, malah pelajar dapat mentaksir pembelajaran dengan menilai sama ada pelajar telah menguasai topik yang diajar (Marzuki et al., 2019). Berdasarkan ini, guru Pendidikan Moral perlu lebih fleksibel dengan keadaan semasa dan melakukan perubahan dalam pendekatan proses PdP untuk menarik minat pelajar disamping memenuhi keperluan mereka. Ini kerana, fokus pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral adalah mempelbagaikan situasi dan isu-isu deleva moral bagi memberi persediaan kepada pelajar menghadapi konflik moral yang akan datang. Menurut Balakrishnan (2002), “Mata pelajaran Pendidikan Moral merupakan satu mata pelajaran yang hidup” (ms. 162). Usaha dalam memupuk kemoralan individu dan penghayatan nilai-nilai murni bukan

daripada cara penghafalan nota nilai. Akan tetapi guru Pendidikan Moral perlu mengemukakan kaedah yang lebih kreatif dalam penyampaian sesuatu nilai melalui medium penyampaian maklumat yang sesuai. Hal ini, pelajar lebih merasa teruja untuk mempelajari dengan lebih lanjut tanpa memberi bebanan kepada mereka untuk menghafal nilai-nilai moral tanpa mengetahui dan menghayati nilai tersebut.

Metodologi

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif melalui temubual untuk mengenal pasti keberkesanan pengajaran dan pembelajaran bagi subjek Pendidikan Moral melalui penggunaan aplikasi kos rendah iaitu aplikasi Whatsapp dalam kalangan guru Pendidikan Moral di SMK Raja Muda Musa, Selangor. Pemilihan peserta dalam kajian kualitatif ini melibatkan lima orang yang mewakili guru Pendidikan Moral setiap tingkatan (tingkatan 1 hingga tingkatan 5) di SMK Raja Muda Musa (rujuk Jadual 1). Kriteria utama dalam pemilihan peserta berdasarkan subjek Pendidikan Moral serta mempunyai pengalaman menjalankan pengajaran dan pembelajaran di rumah secara atas talian sepanjang tempoh PKP. Menerusi kaedah kualitatif ini, pengkaji menggunakan kaedah temu bual secara atas talian melalui aplikasi Google Meet dan aplikasi Whatsapp bersama guru terbabit bagi untuk mendapatkan maklumat. Langkah-langkah dalam pengumpulan data bagi kaedah kajian kualitatif ini merangkumi pengumpulan maklumat melalui pemerhatian secara separa berstruktur atau tidak berstruktur, temu bual dan analisis dokumen (Creswell, 2009). Analisis kajian pula dijalankan menggunakan kaedah analisis tematik iaitu kaedah untuk menganalisis data kualitatif yang memerlukan pencarian merentas set data untuk mengenal pasti, menganalisis dan melaporkan corak berulang yang melibatkan melibatkan tafsiran dalam proses memilih kod dan membina tema (Braun dan Clarke 2006).

Jadual 1
Latar Belakang Guru Pendidikan Moral

Bil.	Nama Samaran Guru	Mengajar Di Tingkatan	Tempoh Perkhidmatan
1.	Zaihasra	Tingkatan 3	4 tahun
2.	NoraineeTri	Tingkatan 4 & 5	5 tahun
3.	Rohani	Tingkatan 2	3 tahun
4.	Ahmad	Tingkatan 1	2.5 tahun

Dapatan Kajian

Hasil perbincangan kajian dibahagikan kepada tiga bahagian berdasarkan objektif kajian. Objektif 1: Mengetahui keberkesanan pengajaran dan pembelajaran guru Pendidikan Moral melalui aplikasi Whatsapp sebagai pendekatan utama dalam penyampaian maklumat. Berdasarkan hasil temubual kesemua responden, mendapati bahawa penggunaan aplikasi Whatsapp kurang membantu guru Pendidikan Moral mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran. Hal ini kerana, penggunaan aplikasi Whatsapp hanya boleh digunakan bagi unit-unit tertentu sahaja yang mana konsep pengajaran mudah difahami oleh pelajar. Disamping itu, aplikasi ini lebih sesuai sebagai pendekatan alternatif guru bagi pelajar bermasalah capaian internet yang lemah serta memastikan semua pelajar mendapatkan bahan pengajaran dari semasa ke semasa.

Bagi saya, aplikasi Whatsapp tidak sepenuhnya membantu saya mencapai objektif pengajaran oleh kerana aplikasi tersebut hanya membantu saya

menyampaikan bahan dalam bentuk link, PDF dan Word selepas berlangsungnya kelas bagi memberi rujukan kepada pelajar. [SMKRMM/Zaihasra/R1]

Pelajar tingkatan 4 dan 5 lebih cenderung menggunakan aplikasi ini untuk bertanyakan tentang subtopik yang tidak difahami oleh mereka. Ada juga antara pelajar yang kurang capaian internet, mereka gunakan aplikasi ini untuk mendapatkan bahan rujukan dan PM (private messages) saya sendiri untuk bertanya. [SMKRMM/Norainee/ R2]

Bagi saya, aplikasi Whatsapp membantu saya mencapai objektif pengajaran bagi unit-unit tertentu sahaja. Sebagai contoh unit di bidang 2 yang menyentuh mengenai diri, keluarga dan persahabatan. Manakala, bagi unit yang memerlukan penerangan konsep yang lebih mendalam perlu menggunakan aplikasi Google Meet sebagai medium pengajaran. [SMKRMM/Rohani/R3]

Ianya tidak membantu guru mencapai objektif pengajaran. Hal ini kerana aplikasi Whatsapp tidak dapat membantu guru dalam menyediakan slide dan sebagainya. Penggunaan sedia ada seperti video call dan voice call tidak membantu kerana kelemahan seperti tidak boleh menampung jumlah yang ramai dan kapasiti peserta terhad. Aplikasi ini juga hanya boleh digunakan sebagai mengedarkan mesej atau link sahaja. Guru juga sukar mendapatkan respond daripada pelajar oleh kerana sikap mereka sendiri yang kurang minat dengan kaedah penggunaan aplikasi tersebut. [SMKRMM/Ahmad/R4]

Objektif 2: Mengenalpasti kesediaan guru melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral melalui aplikasi Whatsapp.

Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi daripada temu bual, guru Pendidikan Moral di SMK Raja Muda Musa sedia membantu para pelajarnya sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran secara atas talian di rumah. Mereka juga telah sedia maklum mengenai permasalahan pelajar dan menggunakan beberapa pendekatan bagi membantu pelajar bermasalah dalam pembelajaran mereka.

Sebagai seorang guru perlu mempunyai kekuatan emosi kerana pengajaran secara atas talian tidak mudah. Tambahan lagi dengan melayan pelbagai ragam pelajar yang wujud. Selain itu, capaian internet guru juga perlu kuat dan jaringan internet yang laju. Ia dapat membantu guru memudahkan pelaksanaan pengajaran dan berkomunikasi aktif bersama pelajar. [SMKRMM/Zaihasra/R1]

Guru menyiapkan diri dengan menghadiri kursus online yang telah dianjurkan oleh pihak sekolah dalam usaha membantu guru menguasai kemahiran teknologi dalam pendidikan. Dalam masa yang sama, tahap kesediaan guru dari segi fizikal dan mental di tahap yang memuaskan dalam menghadapi cabaran PdPR secara atas talian. [SMKRMM/NoraineeTri/R2]

Bagi saya, bersikap terbuka dan memahami kekangan pelajar secara rasional dapat membantu saya dari segi mental dan fizikal. Dalam hal ini, kita sebagai guru tidak boleh berkeras dan hanya memikirkan tentang pembelajaran pelajar sahaja. Tetapi, guru perlu melihat kepada aspek sosioekonomi dan faktor-faktor kekangan murid dalam pembelajaran secara atas talian. [SMKRMM/Rohani/R3]

Persediaan saya dari segi fizikal dan mental adalah menyiapkan nota ringkas bagi keseluruhan topik dan memberikan kepada pelajar sehari sebelum kelas bermula di platform aplikasi Whatsapp. Oleh itu, dari segi fizikal dan mental, tiada bebanan kerja serta sentiasa bersikap lapang dada dan bersabar dengan apa yang terjadi. [SMKRMM/Amad/R4]

Objektif 3: Menjelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi guru memilih aplikasi Whatsapp sebagai pendekatan utama penyampaian maklumat dalam pengajaran Pendidikan Moral.

Berdasarkan hasil dapatan, menurut peserta kajian kewajaran menggunakan aplikasi Whatsapp dipilih kerana faktor pemilikan aplikasi tersebut oleh semua pelajar adalah bagi membantu masalah jaringan internet dan faktor sosio-ekonomi pelajar. Berdasarkan ini ia mendorong guru Pendidikan Moral menggunakan aplikasi Whatsapp sebagai medium penyampaian maklumat dalam sesi PdPR secara atas talian.

Membantu Masalah Internet

Menggunakan aplikasi Whatsapp sebagai medium PdPR ini kerana pelajar senang memahami konsep pengajaran melalui modul yang dihantar di dalam Whatsapp. Disamping itu, penggunaan Whatsapp dapat membantu pelajar bermasalah internet. [SMKRMM/Zaihasra/R1]

Ia bergantung kepada keperluan dan keupayaan pelajar untuk akses ke aplikasi yang lain. [SMKRMM/NoraineeTri/R2]

Wajar digunakan kerana aplikasi Whatsapp satu-satu aplikasi yang dimiliki untuk pelajar senang akses. [SMKRMM/Rohani/R3]

Whatsapp boleh digunakan sebagai perkongsian maklumat kepada pelajar yang berada di luar bandar dan akses internet yang lemah. [SMKRMM/Ahmad/R4]

Faktor Sosio Ekonomi

Hasil dapatan daripada temu bual responden, setuju bahawa faktor yang mempengaruhi pemilihan guru terhadap aplikasi Whatsapp adalah daripada faktor keluarga pelajar yang kurang berkemampuan dan menghadapi masalah untuk membeli peranti peribadi bagi anak-anak mereka. Menurut peserta kajian:

Faktor sosio ekonomi dan persekitaran pelajar mempengaruhi penggunaan saya memilih aplikasi Whatsapp sebagai medium penyampaian bahan pengajaran. Ini kerana, bagi sosio ekonomi ibu bapa berpendapatan rendah

mempengaruhi komitmen pembelajaran pelajar. [SMKRMM/Zaihasra (R1)/25.5.2021]

Rata-rata keupayaan ibu bapa untuk menyediakan kemudahan jalur lebar kepada anak-anak sangat terhad. Ia bergantung kepada sosioekonomi dan persekitaran pelajar. [SMKRMM/NoraineeTri/R2]

Aplikasi Whatsapp sangat membantu saya menyampaikan bahan pengajaran dan berkomunikasi secara atas talian bersama para pelajar saya. Tambahan lagi, ibu bapa yang kurang berkemampuan tidak lagi gusar menyediakan peranti dan talian internet dalam masa yang terdekat. [SMKRMM/Rohani/R3]

Rata-rata pelajar berasal dari keluarga B40 iaitu pendapatan empat ribu kebawah. Aplikasi Whatsapp tidak menggunakan data yang tinggi. Maklumat boleh diterima pelajar melalui medium ini. Malah, ibu bapa juga dapat menjimatkan kewangan mereka dengan menggunakan aplikasi Whatsapp kerana penjimatan data yang dibuat. [SMKRMM/Ahmad/R4]

Perbincangan dan Cadangan

Hasil daripada dapatan kajian menunjukkan penggunaan aplikasi Whatsapp kurang membantu guru Pendidikan Moral mencapai objektif pengajarannya dengan berkesan. Namun aplikasi ini lebih sesuai digunakan sebagai pendekatan alternatif guru bagi mengatasi masalah kewangan dan capaian internet yang dihadapi oleh pelajar. Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran guru Pendidikan Moral juga menunjukkan kesediaan guru dalam mengajar secara online melalui aplikasi Whatsapp. Namun kajian Makhtar, et al., (2021) mendapati pembelajaran dalam talian kurang memberikan motivasi positif kepada para pelajar.

Berdasarkan implikasi kajian ini, menunjukkan dunia pendidikan pada hari ini tidak lagi terhad kepada kaedah konvensional yang hanya menggunakan pensil dan kertas sahaja. Ia juga telah membuka ruang serta peluang kepada pendidik dan pelajar untuk menerokai teknologi maklumat dan komunikasi menggunakannya dalam pengajaran dan pembelajaran menerusi dunia maya. Justeru proses Pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral yang dijalankan secara atas talian perlu dijalankan lebih banyak kajian mengenainya. Selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dalam mendokong hasrat melonjakkan penggunaan teknologi dalam pendidikan dan menyediakan akses internet kepada guru dan pelajar. Pemberian akses internet secara percuma juga boleh diberikan kepada pelajar supaya proses pembelajaran mereka tidak terhenti di sekolah sahaja dan boleh diteruskan di dalam rumah (Rosman et al., 2022).

Dalam usaha memberikan pendidikan secara berterusan kepada pelajar dan menerapkan hak sama rata pendidikan perlu dipertingkatkan. Manakala kualiti pengajaran dan pembelajaran guru perlulah berkesan dan mencapai objektif pengajaran. Penguasaan ilmu pedagogi guru yang cemerlang dapat membantu guru mempersiapkan diri dari segi fizikal dan mental supaya fleksibel dengan trend pendidikan di norma baharu yang sentiasa mengalami perubahan (Sitinjak, 2021). Selain itu, guru juga perlu cakna dengan perkembangan prestasi pelajar, sentiasa mengambil berat tentang emosi dan keperluan pembelajaran pelajar dan sedia memberi bantuan, motivasi serta bimbingan moral. Cara pelaksanaan PdPR melalui aplikasi Whatsapp

dengan menggunakan pendekatan aplikasi Quiziz, Youtube, PDF, Microsoft Word, tangkapan skrin dan pembentukan modul pembelajaran boleh diberi kepada pelajar. Strategi guru dalam memastikan pelajar menerima bahan pengajaran dan membuat latihan secara berkala melalui aplikasi Whatsapp juga membantu guru mencapai objektif pengajaran. Antara strategi guru adalah membuat video pengajaran, nota ringkas berbentuk power point atau pdf, membuat jalan kerja tutorial dan membuat perbincangan topik didalam group Whatsapp.

Bagi penerapan nilai moral diaplikasikan dalam aktiviti pelajar melalui aplikasi Whatsapp. Apabila guru menggunakan kaedah tontonan video daripada aplikasi Youtube dan mengambil gambar aktiviti harian melakukan nilai-nilai berdasarkan video yang telah ditonton. Hal ini, secara tidak langsung memberi kesedaran dan pemahaman kepada mereka tentang kepentingan penerapan nilai dalam kehidupan harian. Selain itu, penggunaan aplikasi Whatsapp lebih mudah digunakan berbanding pengajaran dan pembelajaran secara tradisional. Aplikasi Whatsapp juga membantu guru berinteraksi bersama pelajar dengan baik sepanjang tempoh PKP dilaksanakan oleh kerajaan. Akan tetapi tidak dinafikan bahawa pengajaran secara bersemuka atau tradisional juga mempunyai banyak kelebihannya. Kesediaan guru dari segi ketahanan fizikal dan mental dalam melaksanakan pengajaran melalui aplikasi Whatsapp juga perlu diambil kira. Berdasarkan dapatan kajian, para guru Pendidikan Moral sentiasa bersedia dan fleksibel menangani perubahan mengikut persekitaran baharu. Sikap keterbukaan, bertolak ansur dan memahami pelajar menjadikan guru sebagai role model dalam mengekalkan nilai-nilai murni serta menjadi teladan kepada pelajar. Bertepatan dengan Falsafah Pendidikan Guru (FPK), guru Pendidikan Moral sentiasa menangani cabaran dengan baik. Seterusnya faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan guru terhadap aplikasi Whatsapp didapati terdapat hubungkait antara faktor pemilihan guru terhadap aplikasi Whatsapp dan faktor sosioekonomi ibu bapa pelajar di kawasan luar bandar.

Implikasi Kajian

Implikasi kajian adalah kepada guru Pendidikan Moral dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran melalui aplikasi Whatsapp. Perancangan secara teratur dan sistematik membantu guru mencapai objektif pengajaran walaupun hanya menggunakan aplikasi berkos rendah seperti aplikasi Whatsapp. Selain itu, guru juga didedahkan dengan kaedah penerapan nilai dalam pengajaran untuk diaplikasikan oleh murid dalam aktiviti harian mereka melalui aplikasi Whatsapp. Selain itu, transformasi pedagogi dalam dunia pendidikan kini perlu menjurus ke arah perkembangan teknologi semasa di samping menghadapi cabaran pendidikan semasa di zaman pandemik Covid-19 yang melanda dunia. Keberhasilan pengajaran dan pembelajaran guru adalah berdasarkan kepada penguasaan ilmu dalam bidang pedagoginya. Pedagogi yang baik dan cemerlang mampu mewujudkan suasana pembelajaran yang positif dan meningkatkan keberhasilan pembelajaran walaupun secara atas talian.

Kemampuan guru mengatasi cabaran pendidikan dan menyedari masalah yang dihadapi berlaku dalam sistem pendidikan kini dapat mengubah persepsi negatif masyarakat terhadap profesion perguruan di Malaysia. Oleh itu, pendidik perlu menguasai kemahiran pedagogi yang merangkumi kemahiran pembelajaran dan inovasi, kemahiran mengendalikan teknologi maklumat dan ICT serta persediaan guru dalam pendidikan ke arah mengutamakan penghasilan. Tambahan lagi, penguasaan ilmu pedagogi melalui penggunaan aplikasi Whatsapp secara efektif dan efisien mampu meningkatkan elemen tambahan kepada guru seperti fleksibel dalam menyesuaikan diri dengan persekitaran baru, meningkatkan kemahiran interaksi sosial, berinisiatif dan mempunyai haluan tersendiri. Penguasaan teknologi pendidikan terkini memberi kelebihan kepada guru dalam menjalankan tugas dengan baik. Di

samping itu, keperluan menyediakan pendidikan sama rata terhadap pelajar dari pelbagai latar belakang tanpa terkecuali. Trend pendidikan kini, menggalakkan corak pendidikan ke arah melestarikan objektif pendidikan abad ke-21. Antara objektif pendidikan abad ke-21 adalah meningkatkan kesedaran pendidik tentang kepentingan minda yang positif, menggalakkan perkembangan menyeluruh dan seimbang, meningkatkan kreativiti guru dalam mengendalikan P&P secara atas talian, mengaplikasikan dan menerapkan ilmu pedagogi pengajaran secara holistik. Implikasinya adalah bagi melahirkan pelajar yang cemerlang dan seimbang dari segi akademik serta akhlaknya. Dengan penguasaan kemahiran teknologi dan berketerampilan dalam ilmu pedagogi, para pendidik dapat menghadapi cabaran masa depan yang lebih kompleks dan sistem pendidikan mampu membekalkan kualiti pendidikan kepada generasi agar dapat menjayakan semua sektor negara ke peringkat global.

Kesimpulan

Peranan yang dimainkan oleh guru penting bagi membentuk generasi alpa yang berkeeseimbangan dari segi akhlak dan pendidikannya. Oleh yang demikian, guru perlu sentiasa peka dengan peluang pembelajaran pelajar yang bersifat berterusan. Pembelajaran berterusan yang menekankan bahawa semua orang berhak dan berpeluang menuntut ilmu walau apapun caranya. Penggunaan aplikasi Whatsapp dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral merupakan usaha yang berterusan dalam memastikan para pelajar mendapat pendidikan berterusan. Seperti mana yang disentuh dalam Falsafah Pendidikan Negara (FPN) yang menekankan kepada usaha berterusan memperkembangkan potensi individu berilmu secara holistik dan seimbang. Tambahan lagi, penekanan kepada pengurusan maklumat sebagai satu pembelajaran yang membolehkan individu merancang secara berstruktur dan strategik bagi mendapatkan ilmu pengetahuan dan menyelesaikan permasalahan dengan baik. Pernyataan tersebut boleh digunapakai dan sesuai dengan keadaan terkini di mana dunia sedang berhadapan dengan pandemik Covid-19 dan corak pendidikan yang sering berubah-ubah mampu menyediakan guru menghadapi cabaran dengan tenang kelak. Secara keseluruhannya, kajian ini diharapkan dapat membantu pihak-pihak yang berkaitan dalam usaha untuk menangani masalah keruntuhan nilai moral di kalangan pelajar sekolah dan supaya generasi akan datang bebas daripada masalah keruntuhan nilai moral yang serius.

Rujukan

- Arifin, M. Z., & Setiawan, A. (2020). Strategi belajar dan mengajar guru pada abad 21. *Indonesian Journal of Instructional Technology*, 1(2).
- Azizan, S. N. C., & Nasri, N. M. (2020). Pandangan guru terhadap pembelajaran dalam talian melalui pendekatan Home Based Learning (HBL) semasa tempoh pandemik COVID-19. *PENDETA*, 11, 46-57.
- Aziz, A. R. A., Shafie, A. A. H., Lee, U. H. M. S., & Ashaari, R. N. S. R. (2020). Strategi pembangunan aspek kesejahteraan sendiri bagi mendepani tekanan akademik semasa wabak Covid-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(12), 16-30.
- Azwan Ahmad, Abdul Ghani Abdullah, Mohammad Zohir Ahmad, & Abd. Rahman Abd. Aziz. (2005). Kesan efikasi sendiri guru sejarah terhadap amalan pengajaran berbantuan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). *Jurnal penyelidikan pendidikan*, 7, 15-24.
- Balakrishnan, V. (2002). Penggunaan dilema real-life dalam pengajaran Pendidikan Moral. *Kertas Projek Sarjana Pendidikan*.
- Bing, W. A., & Jamaludin, K. A. (2021). Pembelajaran Dalam Talian (E-Pembelajaran) Semasa Pandemik Covid-19. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(3), 408-414.

- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative research in psychology*, 3(2), 77-101.
- Bruner, J. (1985). Vygotsky: A historical and conceptual perspective. *Culture, communication, and cognition: Vygotskian perspectives*, 21, 34.
- Creswell, J. W. (2005). *Education research: planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research*. Upper Saddle River, New Jersey: Pearson Education, Inc.
- Jamian, A. R., & Ismail, H. (2016). Pelaksanaan pembelajaran menyeronokkan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 3(2), 49-63.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2000). *Kurikulum bersepadu sekolah rendah huraian sukatan pelajaran pendidikan moral tahun 1*. Diperoleh daripada Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia website:
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013 - 2025 (pendidikan prasekolah hingga lepas menengah)* (3).
- Chear, S. L. S., & Nor, M. Y. M. (2020). Learning Intervention in e-Learning Portal Through WhatsApp and Telegram Based on Needham Five Phase Model. *Evaluation Studies in Social Sciences*, 1(1), 11-27.
- Chear, S. L. S., & Nor, M. Y. M. (2020). Intervensi pembelajaran di portal e-pembelajaran melalui aplikasi WhatsApp dan Telegram berdasarkan model lima fasa Needham. *Evaluation Studies in Social Sciences*, 9(1), 11-27.
- Goliong, L., & Kasin, A. Marcelus Johnny & Nazarius G. Yulip.(2020). *Cabaran pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran jarak jauh semasa Perintah Kawalan Pergerakan*.
- Luqman Arif Abdul Karim. (2020, April 16). PKP: E-Pembelajaran Tidak Segerak Sesuai Di Luar Bandar, Pedalaman. *Berita Harian Online*.
- Kamlin, M., & Keong, T. C. (2020). Kemampuan ICT 'WhatsApp' sebagai Medium Komunikasi Berkesan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(10), 178-183.
- Makhtar, N. N., Rosli, S. N. A., & Taha, H. (2021). Kesan jenis pembelajaran dalam talian terhadap sikap, motivasi dan pencapaian pelajar bagi subjek Fizik. *Journal of Science and Mathematics Letters*, 9(1), 60-76.
- Marzuki, M. M., Nik Abdul Majid, W. Z., Salwani, R., Mohd Zawawi, M. Z., & Abu Bakar, H. (2019). Students' perceptions and learning approaches in accounting: the role of mobile apps technology. *Management & Accounting Review (MAR)*, 18(3), 1-32.
- Mohamad, N. M. (2021). Cabaran Pedagogi Norma Baharu Di Kolej Universiti Islam Perlis (Kuips) Ketika Pandemik Wabak Koronavirus Covid-19. *Jurnal Pengajian Islam*, 243-254.
- Moawad, R. A. (2020). Online Learning during the COVID-19 Pandemic and Academic Stress in University Students. *Revista Romaneasca Pentru Educatie Multidimensionala*, 12(2), 100-107.
- Munusamy, N., & Nordin, N. M. (2021). Tahap pengetahuan dan kesediaan guru Bahasa Tamil terhadap penggunaan teknologi dalam pembelajaran dan pemudahcaraan. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 666-682.
- Pejabat perdana menteri Malaysia laman web rasmi. (2020, March 16). Perutusan khas YAB perdana menteri mengenai covid-19. Diperoleh daripada <https://www.pmo.gov.my/ms/2020/03/perutusan-khas-yab-perdana-menteri-mengenai-covid-19-16-mac-2020-2/>
- Razak, R. A. (2017). Strategi pembelajaran aktif secara kolaboratif atas talian dalam analisis novel Bahasa Melayu. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 1(3), 34-46.

- Razali, S. K. M., & Azman, N. (2021). Pembelajaran dalam Talian Sepanjang Pandemi Covid-19: Faktor Akses Internet dan Sosioekonomi Terhadap Motivasi Pelajar Kolej Komuniti. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(11), 1-14.
- Rosman, S. A., Azahari, M. A. M., & Jasmi, K. A. (2022). Mendepani Cabaran Pendidikan Dalam Norma Baharu. *Bil 4 Jilid 1 2022*, 4, 77.
- Saleh, N. O. R. M. A. Z. A. I. N. I., Tengah, A., & Saidpudin, W. (2018). Penggunaan Whatsapp Sebagai Alat Komunikasi Formal dalam Organisasi: Satu Tinjauan Awal. In *Proceeding of the 5th International Conference on Management and Muamalah*.
- Shahaimi, S., & Khalid, F. (2015). Persekitaran Pembelajaran Maya Frog (VLE-FROG) di Sekolah-Sekolah di Malaysia: Pelaksanaan dan Cabaran. In *Prosiding Seminar Kebangsaan Pendidikan Negara Kali Ke* (Vol. 5, No. 2015, pp. 28-38).
- Sitinjak, D. S. (2021). Analisis Kompetensi Pedagogi Dan Penguasaan Konsep Kimia Mahasiswa Calon Guru Kimia Yang Profesional. *Edukatif: Jurnal Ilmu Pendidikan*, 3(2), 603-610.
- Stronge, J. H. (2013). *Effective teacher = student achievement, what the research says* (1st ed.).
- Wan Zainodin, W. H., Ibnu, I. N., Muhammad Dimiyati, N. I., Hussein, E. E., Md Redzuan, A., & Muhamad Ali, M. N. (2021). The emotional responses of university students: before and during the enforcement of the Covid-19 movement control order (MCO). *Journal of Media and Information Warfare (JMIW)*, 14, 42-56.
- Whatsapp LLC. (2021). Mengenai Whatsapp. Diperoleh daripada <https://www.whatsapp.com/about/?lang=ms>
<https://www.utusanborneo.com.my/2017/09/13/rakyat-malaysia-pengguna-aplikasi-whatsapp-terbanyak-dunia>